

**Ketua pembangkang takut hadapi kebenaran
Utusan Online
18 Mac, 2012**

TINDAKAN Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta penganjur 'forum Wikileaks' mengeluarkan nama Raja Petra Kamarudin dalam senarai peserta forum itu yang berlangsung semalam di Kent, England telah membuktikan sejauh manakah keberanian Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) tersebut.

Adalah jelas Anwar terlalu takut untuk berhadapan dengan orang yang pernah menjadi alat beliau untuk melakukan serangan ke atas kerajaan Barisan Nasional (BN) dan UMNO. Sememangnya suatu yang aneh apabila Anwar yang begitu bijak berpidato secara tiba-tiba kecut perut apabila mendengar nama Raja Petra.

Mungkin Anwar amat menyedari bahawa jika Raja Petra dibenarkan menjadi peserta dan seterusnya berdebat dengan beliau biarpun melalui televideo Skype, ia adalah satu ancaman untuknya.

Ini memandangkan Raja Petra kini sudah berubah angin dan bukanlah menjadi ejen propaganda kepada Anwar dan pembangkang.

Sebaliknya Raja Petra kini dilihat semakin lantang mendedahkan satu demi satu penyelewengan yang dilakukan oleh parti-parti yang berada di bawah naungan ketua pembangkang itu terutamanya PKR.

Justeru, tidak mungkin Anwar akan mempunyai keberanian untuk berdepan dengan Raja Petra, walaupun sebelum ini beliau begitu bijak memutar-belitkan fakta dan melemparkan pelbagai fitnah kepada kerajaan melalui kepetahannya berpidato.

Jelaslah Anwar hanya berani untuk berhadapan dengan individu yang beliau fikir akan berupaya memberikan keuntungan politik kepadanya melalui mainan lidah beliau bagi mengelirukan orang ramai.

Tetapi kalau orang itu mengetahui segala rahsia beliau termasuklah penyelewengan PKR, maka Anwar akan cuba mengelak dan ketika itu soal kebebasan bersuara sudah tidak ada lagi dalam kamus politik beliau.

Anwar bimbang jika berdebat dengan Raja Petra, beliau terpaksa berhadapan dengan satu demi satu pendedahan oleh pengendali portal *Malaysia Today* itu.

Semua persoalan yang akan dibangkitkan oleh Raja Petra perlu dijawab oleh Anwar dalam debat tersebut tetapi Anwar tahu beliau tidak akan berupaya berbuat demikian. Oleh itu cara terbaik ialah memastikan Raja Petra tidak menyertai forum berkenaan.

Sepatutnya Anwar ambil peluang yang diberikan oleh Wikileaks ini untuk berhadapan dengan Raja Petra bagi membolehkan beliau menjawab segala persoalan dan pendedahan blogger tersebut tetapi ternyata Anwar tidak berani kerana apa yang dikatakan oleh Raja Petra adalah kebenaran. Oleh itu selepas ini jika Anwar mencabar mana-mana pemimpin Barisan Nasional (BN) atau UMNO berdebat, maka ia tidak perlu dilayan kerana seperti mana kata Raja Petra "Anwar pengecut".

Sememangnya dalam apa juga isu itulah perangai Anwar selama ini - takut kepada kebenaran!

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0318&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm